QADHA DAN QADAR

- Mereka berpendapat bahawa takdir Allah Subhanahu wa Ta'ala yang berlaku pada manusia itu hanya dalam kerja-kerja kebajikan sahaja manakala kerja-kerja kejahatan adalah daripada ikhtiar dan usaha manusia itu sendiri.
- Oleh itu wajib bagi Allah Subhanahu wa Ta'ala membalas baik kepada manusia yang mentaati perintahNya.

- Golongan ini berpendapat bahawa tiap-tiap sesuatu yang berlaku pada makhluk semuanya ditakdirkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala tetapi diusahakan oleh manusia dengan ikhtiarnya sendiri berpandukan akal fikiran yang diberi oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala.

- Mereka berpendapat bahawa sesuatu yang berlaku pada manusia itu bukan ditentukan oleh takdir Allah Subhanahu wa Ta'ala tetapi dari manusia itu sendiri.
- Manusia bebas melakukan sesuatu dengan usaha dan ikhtiarnya.

- Golongan ini berpendapat bahawa manusia tidak mempunyai ikhtiar dan daya sama sekali dalam menentukan nasibnya sama ada baik atau jahat kerana semua ini adalah bergantung kepada takdir Allah Subhanahu wa Ta'ala semata-mata.
- Manusia diumpamakan bulu burung yang berterbangan di udara, ke mana saja ia ditiup angin di sanalah dia pergi.

- Manusia bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala perbuatannya sama ada baik atau jahat dan Allah Subhanahu wa Ta'ala sama sekali tidak ikut campur dalam urusan manusia.

- Allah Subhanahu wa Ta'ala itu maha adil, Allah membalas segala perbuatan manusia sama ada dalam perkara kebaikan yang telah ditentukan oleh Allah dan juga kepada manusia yang melakukan kejahatan.

- Pendapat golongan ini salah kerana menolak sama sekali takdir Allah Subhanahu wa Ta'ala.
- Pendapat ini juga bertentangan dengan kenyataan dan hakikat sebenar kerana ramai di antara manusia yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai hajatnya tetapi masih menemui kegagalan.

- Jika memang benar semua kerja-kerja kebajikan itu sahaja yang datang daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala, mengapa masih ada kerja-kerja kebajikan yang dilakukan itu tidak berjaya. Ini menunjukkan seolah-olah Allah Subhanahu wa Ta'ala itu lemah padahal wajib bagi Allah itu bersifat Qudrah (berkuasa).
- Pendapat mereka yang mengatakan Allah Subhanahu wa Ta'ala wajib membalas baik kebajikan yang dilakukan manusia adalah salah kerana seolah-olah ada kuasa lain yang memaksa Allah dalam melakukan sesuatu.

- Manusia bebas memilih jalan hidup yang diingininya. Tercapai atau tidak sesuatu yang diusahakan atau dihajatinya itu adalah urusan Allah.
- Allah Subhanahu wa Ta'ala maha berkuasa dan memberi ganjaran kepada manusia mengikut apa yang diusahakannya. Dalil yang digunakan oleh golongan ini ialah firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

وَٱللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾

(سورة الصَّافَّات: 96)

Tafsirnya:

Padahal Allah yang menciptakan kamu dan (pada hakikatnya menciptakan) apa yang kamu kerjakan itu.

(Surah ash-Shaafaat: 96)

LIVEWORKSHEETS

- Pendapat mereka yang menolak segala usaha dan ikhtiar manusia itu adalah salah kerana bertentangan dengan firman Allah Subhanahu wa Ta'ala yang dengan terang menunjukkan takdir Allah berlaku di samping usaha manusia. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ

(سورة الرعد: 11)

Tafsirnya:

Sesungguhnya Allah tidak mengubah (keadaan) apa yang ada pada suatu kaum sehinggalah mereka mengubah (keadaan) apa yang ada pada diri mereka sendiri.

(Surah ar-Ra'd: 11)

- Kuasa Allah Subhanahu wa Ta'ala itu meliputi segala-galanya, oleh itu mereka wajib menerima apa juga takdir Allah Subhanahu wa Ta'ala sama ada baik atau buruk tanpa berusaha untuk mengubahnya.

DALIL-DALIL BERKAITAN QADHA DAN QADAR,TAWAKKAL,KHURAFAT DAN DOA

Suaikan ayat dengan maknanya

وَمَا تَشَآءُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ

(سورة الإنسان: 30)

مَآ أَصَابَ مِن مُّصِيبَةٍ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا فِىٓ أَنفُسِكُمْ إِلَّا فِى كِتَٰبٍ مِّن قَبْلِ أَن نَّبْرَأَهَآ ۚ إِنَّ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرٌ ﴿٢٢﴾ لِّكَيْلَا تَأْسَوْا۟ عَلَىٰ مَا فَاتَكُمْ وَلَا تَفْرَحُوا۟ بِمَآ ءَاتَىٰكُمْ ۗ وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ﴿٢٣﴾

(سورة الحديد: 22-23)

إِنَّا كُلَّ شَىْءٍ خَلَقْنَٰهُ بِقَدَرٍ ﴿٤٩﴾

(سورة القمر: 49)

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِى عَنِّى فَإِنِّى قَرِيبٌ ۖ أُجِيبُ دَعْوَةَ ٱلدَّاعِ إِذَا دَعَانِ ۖ

(سورة البقرة: 186)

لَا عَدْوَى وَلَا طِيَرَةَ وَلَا هَامَةَ وَلَا صَفَرَ، وَفِرَّ مِنَ الْجُذُومِ كَمَا تَفِرُّ مِنَ الْأَسَدِ

(رواه البخاري)

وَلَا تَدْعُ مِن دُونِ ٱللَّهِ مَا لَا يَنفَعُكَ وَلَا يَضُرُّكَ ۖ فَإِن فَعَلْتَ فَإِنَّكَ إِذًا مِّنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٠٦﴾

(سورة يونس: 106)

Tafsirnya:

Tiada suatu musibah pun yang menimpa di bumi dan tidak pula pada diri kamu sendiri melainkan (telah tertulis) di dalam kitab (Lauh Mahfuzh) sebelum Kami menciptakannya. Sesungguhnya yang demikian itu adalah mudah bagi Allah. (Kami menjelaskan yang demikian itu) supaya kamu tidak bersedih terhadap apa yang telah luput daripada kamu dan tidak pula bergembira dengan apa yang dikurniakan kepada kamu. Dan Allah tidak suka tiap-tiap orang yang sombong lagi membangga-banggakan diri.

Tafsirnya:

Sesungguhnya segala sesuatu itu Kami ciptakan menurut ketentuan.

Tafsirnya:

Dan kamu tidak dapat (melakukan sesuatu) melainkan jika dikehendaki Allah.

Tafsirnya:

Dan janganlah engkau menyembah selain daripada Allah, apa yang tidak memberi manfaat dan tidak (pula) mendatangkan mudharat kepadamu, sebab jika engkau lakukan yang sedemikian itu, maka sesungguhnya engkau termasuk daripada orang-orang yang zalim.

Tafsirnya :

Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu (wahai Nabi Muhammad) mengenai Aku maka (katakan kepada mereka): "sesungguhnya Aku sentiasa hampir (kepada mereka). Aku perkenankan permohonan orang-orang yang berdo'a apabila dia berdo'a kepadaKu.

Maksudnya:

Tidak ada jangkitan, tidak ada sempena baik dengan burung, tidak ada sempena jahat dengan burung hantu dan tidak ada sempena jahat dengan Safar. Larilah daripada orang yang berpenyakit kusta seperti mana kamu lari daripada singa.

LIVEWORKSHEETS

عَنِ ابْنِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِيمَا عَنْ رَبِّهِ عَزَّ وَجَلَّ قَالَ: قَالَ "إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ وَ ، "ثُمَّ بَيَّنَ ذَلِكَ: "فَمَنْ هَمَّ فَلَمْ كَتَبَهَا اللَّهُ لَهُ عِنْدَهُ ، فَإِنْ هُوَ بِهَا فَعَمِلَهَا اللَّهُ لَهُ عِنْدَهُ ، إِلَى سَبْعِ مِائَةِ ، إِلَى كَثِيرَةٍ. وَمَنْ هَمَّ فَلَمْ يَعْمَلْهَا كَتَبَهَا اللَّهُ لَهُ عِنْدَهُ ، فَإِنْ هُوَ بِهَا فَعَمِلَهَا كَتَبَهَا اللَّهُ لَهُ ".

(رواه البخاري)

[ ] ialah kepercayaan karut yang bertentangan dengan ajaran Islam.

[ ] ialah menyerahkan diri kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan penuh keyakinan dalam semua perkara setelah berusaha dan berikhtiar dengan bersungguh-sungguh.

[ ] ialah permohonan seseorang hamba kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala untuk mendapatkan sesuatu yang dihajati atau menolak sesuatu yang tidak dikehendaki.

LIVEWORKSHEETS